

12 NOV 2000

Mahathir-Palestin

MARUAH ISLAM DIHINA OLEH ISRAEL, KATA MAHATHIR

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, Qatar, 12 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keganasan Israel terhadap penduduk Palestin merupakan satu penghinaan terhadap kehormatan dan maruah Islam.

Perdana Menteri berkata walaupun negara-negara Islam mewakili lebih daripada satu pertiga keanggotaan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), mereka hanya boleh melihat Israel terus terlepas daripada hukuman dan angkuh membunuh rakyat Palestin yang tidak berdosa.

Dr Mahathir berkata nasib rakyat Palestin tidak dapat dipisahkan daripada umat Islam keseluruhannya kerana mereka dengan jelas tinggal di bawah pendudukan dan dinafikan hak dan kebebasan.

"Serangan terhadap rakyat Palestin adalah serangan terhadap umat Islam, maruah dan kehormatan. Negara-negara Islam tidak boleh hanya melihat Israel membunuh rakyat Palestin dan bebas daripada hukuman," katanya ketika berucap mewakili kumpulan negara-negara Asia pada perasmian sidang kemuncak kesembilan Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di sini.

Dr Mahathir berkata perkembangan semasa di Asia Barat mendesak supaya umat Islam bersatu kerana apa yang berlaku terhadap rakyat Palestin boleh juga berlaku kepada orang lain seperti di Yugoslavia dan Chechnya.

Perdana Menteri berkata OIC mesti bersatu suara dan lantang menyokong rakyat Palestin kerana ia perlu dilakukan untuk menyatakan perasaan negara-negara Islam.

"Kita perlu terus berpegang teguh dan tidak berkompromi mengenai status Al Quds Al Sharif. Kita perlu terus bersuara mengenainya bagi memastikan pemulangan wilayah-wilayah yang diduduki Palestine dan Arab termasuk Golan di Syria," katanya.

Dr Mahathir berkata kepimpinan Palestine juga patut diberi sokongan penuh dan dibantu seberapa yang boleh.

Israel yang tidak diiktiraf oleh Malaysia menawan Al Quds Al Sharif atau Baitulmaqdis dalam Peperangan Enam Hari pada 1967. Tetapi kedaulatannya ke atas bandar raya suci itu tidak pernah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Dalam peperangan itu, Israel juga menawan Tebing Barat, Semenanjung Sinai dan Semenanjung Gaza serta Bukit Golan di barat daya Syria.

Perdana Menteri berkata sudah tiba masanya pertubuhan itu bertindak sehaluan dan menghentikan perselisihan bagi membolehkan isu Palestin ditangani dengan hati dan fikiran bersama.

Bagaimanapun kuasa politik, ekonomi dan ketenteraan Israel selain sikap berat sebelah Amerika Syarikat terhadap Israel tidak boleh diabaikan atau dipandang ringan.

"Oleh itu adalah penting, segala impian, semangat dan keazaman kita dilakukan berdasarkan realiti dan pragmatisme. Tetapi dengan kesungguhan kita mencapai tujuan dan matlamat bersepadu kita, saya yakin kita boleh bergerak ke arah yang betul bagi mencapai objektif yang dihasratkan," katanya.

Beratus-ratus orang, kebanyakannya Arab Palestin mati dalam pertempuran dengan tentera Israel yang dicituskan oleh lawatan kontroversi seorang ahli politik Yahudi ke kawasan suci di Baitulmaqdis.

Semasa berucap pada perhimpunan intelektual Islam dan ahli perniagaan malam tadi, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam lemah dan tidak satupun mempunyai pengaruh dalam hal ehwal dunia.

Katanya keadaan biasa di Palestin ialah kanak-kanak yang melontar batu

ditembak mati dengan peluru hidup dan tidak seorangpun daripada satu bilion umat Islam di dunia boleh bertindak.

"Kita boleh menghantar rayuan untuk menghentikan pembunuhan beramai-ramai tetapi apa yang kita dapat ialah diminta menghentikan tindakan kanak-kanak membaling batu. Tiada sesiapa yang memberitahu Israel supaya berhenti menembak.

"Ia seolah-olah perkara biasa untuk orang ramai menembak mati orang yang membaling batu.

"Mereka yang membiarkan pembunuhan kanak-kanak yang membaling batu ini tidak henti-henti bercakap mengenai hak asasi manusia, keadilan dan undang-undang," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA  
MAM LAT MAI